



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

22 PDK PULAU PINANG TERIMA GERAN RM5.8 JUTA

PERMATANG PAUH, 4 MEI – Sejumlah RM5.8 juta telah diperuntukkan kepada 22 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di dalam bentuk geran di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, kesungguhan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan orang kurang upaya (OKU) sentiasa mendapat pembelaan melalui peruntukan perbelanjaan yang disalurkan”.

“Usaha ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya komited dalam membantu OKU memaksimumkan potensi yang ada kerana semua sedia maklum bahawa bukan mudah untuk memberi perkhidmatan penjagaan, latihan dan pemulihan kepada pelatih PDK ini,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Program Mini Karnival OKU Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini hari ini.

Antara objektif Mini Karnival ini adalah sebagai *platform* bagi mengenali antara satu sama lain serta memberi perkhidmatan *outreach* kesihatan kepada OKU dan komuniti setempat, memberi peluang ibu bapa dan keluarga PDK untuk menyertai pelbagai program anjuran JKM dan memberi peluang penyertaan OKU dalam aktiviti rekreasi.

“Kesemua program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk memastikan golongan OKU turut mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam semua aspek kehidupan termasuk aspek-aspek aksesibiliti seperti akses kepada kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam, kemudahan pengangkutan awam, pendidikan, pekerjaan, maklumat, komunikasi dan teknologi, kehidupan berbudaya, rekreasi, santai dan sukan,” katanya lagi.

“Demi mempertingkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan terhadap OKU dari semasa ke semasa, pendaftaran OKU merupakan mekanisme yang sangat penting bagi mengenalpasti bilangan sebenar OKU di negara ini supaya dapat membantu kerajaan merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai mengikut keperluan OKU,” tambah beliau lagi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kini menganggarkan bahawa 10-15% penduduk dunia adalah terdiri daripada OKU, manakala berdasarkan statistik Sistem Maklumat OKU (SMOKU) pula, seramai 336,960 OKU berdaftar dengan JKM sehingga 28 April 2015. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 1.1% daripada jumlah penduduk di Malaysia.

"Saya amat berharap bahawa segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan akan dapat memberikan suntikan semangat kepada OKU untuk terus hidup berdikari," katanya.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah YBhg Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dato' Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia, YBrs Encik Said Sidup, Pengarah JKM Negeri Pulau Pinang dan Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM serta JKM.

####

Disediakan oleh	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
No.Telefon	:	019-2164031 (Ain)
Tarikh dikeluarkan	:	4 Mei 2015